

SOALAN NO: 176

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[LEMBAH PANTAI]**

**RUJUKAN : BL2 [PR-1353-T01316]**

**SOALAN :**

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- a) jumlah permohonan dan pemegang Kad Ceria Wilayah Persekutuan mengikut pecahan umur dan pendapatan di setiap kawasan Parlimen Kuala Lumpur ; dan
- b) langkah untuk menambahbaikkan Kad Ceria terutamanya bagi golongan rakyat B40.

komunikasi, perkhidmatan kewangan, harta tanah dan pembuatan dan lain-lain, peluang pekerjaan di sektor-sektor terbabit akan meningkat secara berterusan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, projek infrastruktur yang dilaksanakan kerajaan merupakan pelaburan jangka panjang dan mampu memberi pulangan kepada semua pihak dan menyumbang ke arah kemakmuran ekonomi Malaysia. Oleh itu, pelaksanaan projek infrastruktur awam seperti ECRL akan mewujudkan kesan berganda terhadap ekonomi negara dan juga rakyat tempatan. Manfaat yang bakal diperolehi oleh semua pihak tidak sepatutnya dilihat dari perspektif yang kewangan sahaja, tetapi seharusnya dilihat juga pada aspek yang lebih luas seperti peluang pekerjaan dan perniagaan dengan adanya *Corridor Development* di sekitar jajaran projek. Selain itu, projek ini akan turut merangsang pembangunan harta tanah, meningkatkan sistem perhubungan dan kesalinghubungan (*interconnectivity*) di antara luar bandar dan antara bandar, pengecilan jurang ekonomi di antara wilayah, pembangunan perniagaan bagi usahawan-usahawan sedia ada dan baru. Projek ini juga merupakan opsyen terbaik bagi orang awam mengurangkan tempoh perjalanan ke Pantai Timur serta turut merancakkan aktiviti perdagangan dan industri logistik yang menyumbang ke arah ekonomi yang lebih mantap.

dalam merangsang ekonomi negara terutama di Wilayah Pantai Timur. Pemilikan, pengurusan dan operasi projek ini dikawal sepenuhnya oleh syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Seperti yang diketahui umum, *China Communications Construction Company* (CCCC), salah satu syarikat pembinaan terbesar milik negara China telah dilantik sebagai kontraktor utama bagi pelaksanaan projek ECRL. Namun begitu, kerajaan Malaysia amat komited dalam memastikan penglibatan syarikat-syarikat dan kontraktor tempatan bagi menjayakan projek nasional ini.

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, projek ECRL dijangka mewujudkan lebih daripada 200,000 peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung. Dianggarkan semasa tempoh puncak projek iaitu pada tahun 2019 sahaja, pekerja tempatan yang terlibat secara langsung dengan projek ECRL berjumlah lebih kurang 10,000 orang merangkumi mereka yang berkemahiran tinggi, sederhana dan rendah, manakala pekerja asing yang berkemahiran tinggi dan buruh dianggarkan pada kadar 18,000 orang. Bagi rakyat tempatan yang berpeluang terlibat secara tidak langsung pula, sebagai contoh dari sektor pembekalan tenaga air dan gas, pembinaan, pengangkutan,